

08/07/1997

Fungsi Majlis Sukan Komanwel diselaraskan

KUALA LUMPUR, Isnin - Fungsi 17 jawatankuasa utama yang diwujudkan di bawah Majlis Sukan Komanwel 98 dan Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom) akan diselaraskan bagi mengelak pertindihan, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurutnya, perkara itu akan dibentangkan kepada Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Sukan Komanwel 98 di Kementerian Belia dan Sukan, pagi esok.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ada beberapa jawatankuasa yang fungsinya bertindih dan arahan Kabinet supaya menyelaraskan semula perkara itu bertujuan melicinkan semua urusan persiapan menganjurkan Sukan Komanwel yang dijadualkan pada 10 hingga 20 September, tahun depan.

Setakat ini, Majlis Sukan Komanwel 98 mempunyai lima jawatankuasa utama manakala 12 jawatankuasa diwujudkan di bawah Sukom.

Muhyiddin berkata, penyelarasan itu tidak bermakna penghapusan mana-mana jawatankuasa yang sedia ada sebaliknya untuk mengelakkan pertindihan fungsi yang boleh menjejaskan kelancaran persiapan sukan berkenaan.

"Sekarang wujud dua jawatankuasa utama yang selari tetapi apabila diselaraskan, ia akan bertindak sama di bawah satu bumbung.

Ini adalah arahan Kabinet baru-baru ini," katanya kepada Berita Harian hari ini, sambil membayangkan mungkin berlaku pengurangan jumlah daripada 17 jawatankuasa yang wujud itu.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel berkata, kesempatan pertemuan esok juga akan digunakan oleh Sukom untuk memaklumkan kepada Anwar mengenai perkembangan mutakhir persiapan negara menganjurkan sukan kedua terbesar di dunia itu.

(END)